

(Ulangan menggantikan berita b242)

Mahathir - Ghafar

MAHATHIR AKAN TEMUI GHAFAR BINCANG KEDUDUKANNYA

Daripada Kuah Guan Oo

LIMASSOL (CYPRUS), 22 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan dengan Encik Ghafar Baba bagi membincangkan kedudukannya (Ghafar) berikutan keputusan Timbalan Presiden UMNO itu tidak akan mempertahankan jawatan tersebut pada pemilihan UMNO bulan depan.

Perdana Menteri berkata beliau berharap dapat mengadakan pertemuan itu bila beliau pulang dari Cyprus.

Dr Mahathir berkata beliau pada mulanya diberitahu bahawa Ghafar akan mempertahankan jawatan Timbalan Presiden, walaupun setelah Ghafar meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Surat perletakan jawatan Ghafar diserahkan kepada Dr Mahathir minggu lalu.

"Saya harap berjumpa dengannya bila pulang dari sini," kata Dr Mahathir kepada pemberita pada satu persidangan akhbar selepas mengadakan perjumpaan dengan rakan sejawatannya dari Singapura, Goh Chok Tong.

"Saya kena fikirilah apakah kesannya dulu... saya ingat tunggulah sehingga saya balik dulu," kata Dr Mahathir apabila diminta mengulas mengenai keputusan Ghafar menolak pencalonan untuk bertanding pada pemilihan UMNO.

Perdana Menteri juga berkata beliau tetap dengan pendiriannya tidak menghadiri sidang kemuncak APEC di Seattle bulan depan.

Mengenai pertemuannya dengan Goh, beliau berkata Perdana Menteri Singapura itu tidak membangkitkan soal kehadiran beliau di Seattle semasa mereka bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan di Asia Tenggara dan Asia, termasuk APEC. -- Lagi.

▼22/10/21-57MST

R GB 22-10 00109 PB253

aab

Mahathir - Ghafar 2 Limassol (Ulangan)

"Tetapi saya beritahu dia saya tak pergi..." tambahnya.

Dr Mahathir berkata beliau memberitahu Goh bahawa pendirian Malaysia mengenai APEC ada kaitan dengan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang digagaskan oleh Malaysia.

Katanya, sehingga sekarang walaupun pentadbiran Clinton nampaknya tidak begitu keras menentang EAEC seperti pentadbiran Bush dulu, tetapi masih belum ada pendirian Washington yang jelas mengenai EAEC.

Dr Mahathir berkata Malaysia baru-baru ini telah menerima maklumat bahawa ada cadangan untuk APEC dijadikan satu badan yang sama dengan Kesatuan Eropah, sebagai satu "kawasan dagangan bebas" yang meliputi semua anggota APEC.

Dr Mahathir berkata beliau memberitahu Goh bahawa pada pandangannya keanggotaan APEC - sebanyak 15 buah negara sekarang - sepatutnya meliputi semua negara di kawasan Lembangan Pasifik termasuk Fiji, Vanuatu dan sebagainya.

Perdana Menteri berkata agak terlalu awal untuk mereka memikirkan tentang APEC sebagai satu "kawasan dagangan bebas" selagi mereka tidak mengetahui apakah kesannya. -- Lagi

▼22/10/22-03MST

U GB 23-10 00100 BC025

aab

Mahathir - Ghafar 3 (akhir) Limassol (Ulangan dengan pembetulan pada para akhir)

Mengenai Cyprus, Perdana Menteri berkata pendirian Malaysia sudah diumumkan awal-awal lagi, iaitu, Cyprus tidak harus dijadikan dua buah negara tetapi satu.

Cara penyelesaian isu Cyprus, tambahannya, harus melalui rundingan antara rakyat Cyprus keturunan Greek dengan keturunan Turki.

Selain Goh, Dr Mahathir juga mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri baru Pakistan, Puan Benazir Bhutto dan Perdana Menteri Bangladesh, Begum Khaleda Zia.

Petang ini, beliau akan bertemu Perdana Menteri Australia, Paul Keating. -- Bernama.

KGO OA RS

▼23/10/00-13MST